



	Subuh	Syuruk	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak		Subuh	Syuruk	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak		Subuh	Syuruk	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
Kuala Lumpur	5:58	7:06	1:16	4:28	7:21	8:31	Johor Bahru	5:51	7:00	1:07	4:20	7:11	8:21	Kuala Terengganu	5:51	7:00	1:09	4:19	7:16	8:26
Shah Alam	5:58	7:06	1:16	4:28	7:21	8:31	Ipoh	6:00	7:06	1:18	4:29	7:24	8:34	Kota Bharu	5:54	7:03	1:13	4:22	7:20	8:26
Seremban	5:58	7:07	1:14	4:27	7:18	8:28	Pulau Pinang	6:01	7:09	1:20	4:30	7:27	8:37	Kuantan	5:53	7:02	1:10	4:22	7:15	8:25
Melaka	5:57	7:06	1:13	4:26	7:17	8:27	Alor Setar	6:01	7:08	1:20	4:29	7:27	8:38	Kangar	6:01	7:10	1:21	4:29	7:28	8:39

(18 April 2021) Kosmo, p. 2

DBKL kenal pasti 57 daripadanya berisiko tumbang, ancam nyawa warga kota

# Awas 500 batang pokok tua di KL

Oleh ZULKIFLI MANZOR

**PETALING JAYA** – Sebanyak 57 daripada kira-kira 500 batang pokok tua di sekitar pusat bandar Kuala Lumpur berisiko tumbang dan dahan patah sehingga boleh menyebabkan kehilangan nyawa serta kerosakan harta benda.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mahadi Che Ngah berkata, pokok-pokok tua berusia 30 tahun secara puratanya yang berisiko tumbang itu kini dalam proses penebangan dan setakat ini kerja-kerja menebang sudah hampir 80 peratus siap.

Menurutnya, pada 2019, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah memeriksa 500 batang pokok tua di sekitar pusat bandar Kuala Lumpur.

Antara pokok tua itu jenis Angsana, Hujan-Hujan dan Je-merlang Laut.

“Pemeriksaan terhadap pokok-pokok tua ini dilakukan menggunakan peralatan yang khusus bagi melihat kadar kerrosakan pokok secara tepat.

“Pemantauan menggunakan dron juga dibuat bagi menilai tahap keselamatan pokok dari bahagian atas dan ground checking untuk mengetahui keseimbangan dan kestabilan pokok.

“Hasil pemeriksaan ini, DBKL telah mengenal pasti 57 batang pokok tua yang berisiko (tumbang),” katanya kepada *Kosmo! Ahad* semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai kewujudan



MAHADI



KERATAN Kosmo! kelmarin.

pokok-pokok tua di sekitar Kuala Lumpur yang berisiko mengancam nyawa orang awam terutama pengguna jalan raya ketika hujan lebat dan ribut petir.

Pada 15 April lalu, seorang penunggang motosikal yang juga penghantar makanan, Syed Izzat Izzudin, 20, maut akibat dihempar pokok tumpang ketika hujan lebat dan ribut di Alam Damai, Taman Len Seng, Cheras.

Mengulas lanjut, Mahadi memberitahu, DBKL juga sedang giat menjalankan penanaman pokok baharu di sekitar ibu ne-



ANGGOTA DBKL menebang pokok tumbang di Jalan 3/91A Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur baru-baru ini.

gara terutama di kawasan taman-taman awam.

Ujarnya, langkah itu sejajar dengan sasaran penanaman satu-juta pokok di Wilayah Persekutuan.

Terdahulu, beliau mengakui risiko kejadian pokok tumbang adalah cabaran utama DBKL bagi memastikan keselamatan warga kota dan pengguna jalan raya terjamin dalam keadaan cuaca ekstrim ketika ini.

“DBKL merekodkan 33 kejadian pokok tumbang ketika hujan lebat dan angin kencang melanda Kuala Lumpur pada 15 April lalu,” ujarnya.

Mahadi berkata, DBKL mempunyai perancangan untuk me-

nangkan kejadian pokok tumbang terutama yang boleh membahayakan orang ramai.

“Pokok-pokok di tepi jalan mempunyai risiko tertentu sama ada pokok separuh matang yang baru ditanam atau pokok yang telah matang.

“Justeru, DBKL sentiasa memantau pokok-pokok di sekitar Kuala Lumpur bagi memastikan ia selamat dan tidak mengundang risiko kepada orang awam,” katanya.

Ujarnya, antara perancangan dan pelaksanaan DBKL ketika ini adalah dengan memberi kursus intensif melalui kerjasama Persatuan Arborist Malaysia dalam meningkatkan kemahi-

ran pekerja dalam pemangkas serta penjagaan pokok.

Selain itu, DBKL telah membuat garis panduan untuk Pengekalan Kawasan Hijau dan Pokok Rendang dalam memastikan penjagaan pokok dilakukan oleh Arborist bertauliah.

“Bagaimanapun, warga kota dinasihat supaya tidak berteduh di bawah pokok atau kawasan-kawasan berisiko tinggi berlaku kejadian pokok tumbang.

“Jika perlu tangguhan perjalanan semasa hujan lebat dan ribut serta berteduh di tempat yang selamat selain sentiasa menyemak info ramalan cuaca daripada Jabatan Meteorologi,” ujarnya.